

5 faktor anak derhaka

SECARA tiba-tiba kita dikejutkan dengan beberapa kes saman dan laporan polis membatalkan sama ada ibu mahu pun bapa terhadap anak kandung sendiri akibat pelbagai kejadian malang yang cukup menyayat hati yang akhirnya dirumuskan sebagai kes derhaka si anak terhadap ibu bapa sendiri.

Insiden seperti anak mengabaikan tanggungjawab terhadap bapa, anak mengurung bapa untuk dapatkan harta, anak membelasah bapa kerana ditegur dan anak maki hamun ibu termasuk dengan panggilan babi cukup merobek hati khalayak yang prihatin dengan nasib malang yang menimpa ibu bapa berkenaan.

Rata-rata masyarakat hanya mampu menggeleng kepala dan mengucap panjang apabila berita seperti ini dipaparkan di dada akhbar. Ma-

sing-masing terpinga-pinga dan mengajukan satu persoalan yang cukup serius iaitu apa sudah jadi dengan masyarakat kita?

Sebagai manusia yang waras yang dibesarkan dalam kelompok masyarakat yang mengutamakan adat ketimuran dan nilai murni seperti taat kepada ibu bapa dan ajaran agama, kita seolah-olah tidak boleh percaya dengan apa yang sedang melanda generasi anak muda zaman ini. Senario ini juga menunjukkan betapa rapuhnya institusi keluarga yang ada pada masa sekarang.

Pada hemat penulis, terdapat beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada berleluasanya budaya derhaka dan gejala kurang sihat dalam kalangan anak muda dewasa ini.

Faktor pertama kesilapan ibu bapa sendiri. Anak yang dilahirkan umpama kain pu-

tih dan ibu bapalah yang mencorakkan hala tuju dan masa depan anak berkenaan, justeru dalam hal ini ibu bapa tidak boleh menuding jari menyalahkan orang lain.

Kesibukan ibu bapa dengan tugas masing-masing atas alasan mengumpul harta mahupun mencari rezeki akhirnya dilihat memerangkap keluarga mereka sendiri. Hal ini kerana kesibukan melampau mereka menyebabkan mereka sering mengabaikan tanggungjawab untuk mendidik anak di rumah.

Anak yang sebahagian besar masanya dihabiskan dengan pembantu rumah atau di tadika dilihat tidak dapat merasakan nikmat kasih dan sayang daripada ibu bapa sendiri. Akibatnya mereka mudah melawan cakap, memberontak dan derhaka kepada ibu bapa mereka sendiri tanpa sebarang rasa hormat, takut mahupun malu.

Faktor kedua pengaruh rakan. Rakan yang sering kali menjadi tempat meluahkan segala masalah dan juga berkongsi kegembiraan mempunyai pengaruh yang besar ke atas anak zaman ini.

Mereka lebih mendengar kata, pendapat dan nasihat rakan berbanding ahli keluarga sendiri. Maka jika salah pilih kawan, salahlah tingkah laku dan sikap anak berkenaan.

Misalnya anak yang bergaul dengan rakan yang tidak mempunyai didikan yang baik serta amalan budaya yang kurang sihat pastinya akan turut mempengaruhi tingkah laku anak kita.

Faktor ketiga pengaruh media massa terutama media elektronik melalui program televisyen yang mengagungkan rancangan Barat.

Budaya masyarakat Barat yang tidak mementingkan nilai murni seperti membolehkan berkurang ajar de-

ngan ibu bapa sendiri dilihat sangat mempengaruhi gelagat anak kita di rumah. Adegan yang ditonton sering kali menjadi gaya ikutan mereka dalam kehidupan seharian.

Faktor keempat ialah kurangnya didikan agama. Sudah menjadi lumrah kepada masyarakat pada zaman ini yang lebih mengutamakan ilmu duniawi berbanding ilmu keagamaan atau kerohanian.

Akibatnya unsur kerohanian tidak dapat disemai dalam diri anak kita hingga mereka tidak tahu yang mereka perlu taat kepada ibu bapa. Malah, penulis percaya ada kalangan anak hari ini yang tidak faham apa itu erti derhaka.

Faktor yang terakhir ialah daripada kelemahan sistem pendidikan. Sistem pendidikan kita yang lebih mengutamakan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan dilihat semakin mudah meragut unsur kemanusiaan dan

pembangunan modal insan yang patut diterapkan dalam diri setiap pelajar sekolah.

Akhirnya mereka membesar seperti mesin ataupun robot yang tidak kenal erti kasih sayang kepada ahli keluarga.

Tiada gunanya kita bangga menjadi sebuah negara yang maju menjelang 2020 jika generasi yang akan meneruskan kesinambungan kemajuan dan kecemerlangan negara ini tidak ampuh nilai dan etikanya serta miskin budi dan pekertinya.

Justeru, semua pihak perlu berganding bahu menyelamatkan generasi pewaris dari terus hanyut yang boleh menghancurkan institusi kekeluargaan di negara kita.

**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**
Universiti Putra
Malaysia, Serdang,
Selangor